



Tengku Abdul Rahman (kiri) menyambut ketibaan PM Turki semalam

# PM Turki lawat Pulau Pinang sehari

**PULAU PINANG,** Rabu — Perdana Menteri Turki, Encik Bulend Uлуу, yang dalam rangka lawatan rasmi lima hari ke Malaysia, tiba di sini pagi tadi untuk lawatan sehari.

Encik Uлуу yang diringi oleh isterinya Puan Mizat, diberi sambutan permaidani merah oleh Ketua Menteri, Dr Lim Chong Eu, setiba mereka di Lapangan Ter-

bang Bayan Lepas.

Turut menyambut ketibaan pemimpin Turki itu ialah bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra; Speaker Dewan Undangan Negeri, Tan Sri Teh Ewe Lim; Ahli Exco Kanan, Datuk Abdul Rahman Abbas; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Zainol Mahmood; Panglima Gerakan Semenanjung, Mejen Datuk Hashim All

dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Rombongan pelawat yang diringi oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Shahrir Abdul Samad, dibawa melawat ke kilang Audio Philips Electronics di Bayan Lepas.

Encik Uлуу dan rombongan diberikan taklimat mengenai kemajuan teknologi tinggi di kilang itu oleh pengerusinya, Encik F.H. Sluiter.

Bellau juga melawat sekitar kilang dan melihat pekerja memasak dan menilai barang elektronik.

Encik Uлуу dan rombongannya kemudiannya menghadiri jamuan makan tengah hari di Batu Feringhi.

Sebelum itu, Encik Uлуу diberi taklimat mengenai pembangunan di negeri ini oleh pengurus besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Datuk Chet Singh.

Encik Uлуу dan isteri juga mengunjungi Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Haji Awang Hassan dan Tunku Abdul Rahman lewat petang ini.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia